

09 MAY 2001
MTUC-Piket
MTUC TANGGUHKAN PIKET

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini memutuskan untuk menangguhkan piket yang dijadualkan Sabtu ini berikutan persetujuan kerajaan mengkaji beberapa tuntutan mereka berhubung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata persetujuan kerajaan itu dinyatakan kepadanya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sepucuk surat bertarikh 8 Mei kepadanya.

Menurutnya antara kandungan surat itu ialah Dr Mahathir bersetuju supaya pelaksanaan skim anuiti yang diuruskan oleh syarikat insurans swasta ditangguhkan sehingga kajian oleh Perunding disediakan.

Zainal berkata Perdana Menteri juga bersedia menimbang supaya faedah kematian dan hilang upaya KWSP yang dahulunya dikembalikan.

Perdana Menteri juga akan menentukan wang KWSP dikendalikan tanpa menimbulkan apa-apa keraguan oleh mana-mana pihak.

"Dengan itu, kita mengambil keputusan untuk menangguhkan piket ini selama tiga bulan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat tergempar Anggota Jawatankuasa MTUC di Subang Jaya, dekat sini.

Zainal memberitahu pemberita bahawa penangguhan piket itu selama tiga bulan berkuatkuasa hari ini ialah bagi membolehkan panel perunding KWSP menjalankan kajian terhadap skim persaraan pekerja melalui skim anuiti itu yang menurut MTUC merugikan pencarum dan harus dihentikan.

MTUC juga tidak berpuas hati dengan pengurangan drastik faedah kematian dan hilang upaya daripada maksimum RM30,000 kepada RM2,000, penggunaan wang KWSP untuk "menyelamatkan" syarikat yang bermasalah dan bayaran dividen yang rendah.

Sementara itu Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkata beliau telah memaklumkan keputusan kerajaan itu kepada Zainal selepas mesyuarat mingguan kabinet hari ini.

Kerajaan telah bertolak ansur dan menunjukkan kejujurannya dalam menangani isu tuntutan MTUC itu, katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata MTUC juga perlu mengotakan janjinya untuk membatalkan piket bantahan terhadap KWSP memandangkan kerajaan telah bertolak ansur dalam perkara itu.

Walaupun beberapa siri perbincangan termasuk dengan pihak pengurusan KWSP dan Dr Fong telah diadakan sebelum ini, MTUC dilaporkan tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan dan tetap mahu meneruskan piket itu.

Zainal berkata MTUC juga mahu meminta lebih ramai wakil pekerja menduduki kerusi dalam Lembaga Pengarah KWSP.

Katanya MTUC akan menubuh sebuah jawatankuasa pemerhati merangkumi mereka yang tahu tentang prosedur perakaunan untuk mengawasi akaun KWSP.

"Kita nak monitor sama ada duit KWSP digunakan sewenang-wenangnya dan untuk memastikan tidak ada sesiapa pun yang boleh meminjam sesuka hati dari KWSP," katanya.

Ketika ditanya apa yang terjadi kepada mereka yang telah memilih skim anuiti itu, Zainal berkata, "mereka boleh menarik diri daripada skim itu dengan membayar yuran memproses sebanyak RM50 dan wang mereka akan dikembalikan kepada KWSP."

Beliau berkata MTUC akan memutuskan kemudian apa ia akan lakukan selepas tempoh tiga bulan itu berakhir.

-- BERNAMA
AT MHI MAM NAK

